



Rujukan Fail: LESTARI/PPLW/XX-02-2012/31

23 Oktober 2012

Y.Bhg Prof. Ulung, Prof. Emeritus, Prof., Dato', Datin, Prof. Madya, Dr, Tuan, Puan,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

JEMPUTAN UNTUK MENYERTAI SEMINAR DAN BENGKEL KAMPUS LESTARI UKM 2020 PADA 22-23 NOVEMBER 2012 DI HOTEL EQUATORIAL BANGI

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kumpulan Penyelidikan Komuniti Lestari, Kelompok Kampus Lestari UKM, sedang berusaha untuk menganjurkan satu Seminar dan Bengkel Kampus Lestari UKM 2020 pada 22-23 November 2012 seperti berikut:

a) **SEMINAR KAMPUS LESTARI UKM 2020 (22-23 November 2012):**

Untuk memberi peluang kepada warga UKM mendengar pembentangan daripada warga UKM yang sudi berkongsi ilmu dan hasil penyelidikan atau cadangan penyelidikan berkaitan dengan UKM, pengalaman dan wawasan terhadap kelestarian Kampus UKM menjelang 2020 ; dan

b) **BENGKEL PEJABAT KELESTARIAN UKM (23 November 2012):**

Untuk memberi peluang kepada warga UKM memberi pandangan terhadap cadangan penubuhan Pejabat Kelestarian UKM, berdasarkan hasil Seminar Kampus Lestari UKM 2020.

3. Alhamdulillah, cadangan ini telah dipersetujui dan mendapat **restu daripada Y.Bhg. Prof Tan Sri Dato' Wira Dr. Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabudin, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia**, yang akan merasmikan Seminar dan Bengkel Kampus Lestari UKM ini nanti.

3. Kumpulan sasaran seminar dan bengkel yang tersebut di atas ialah semua pihak berkepentingan di UKM iaitu pelbagai lapisan pengajar, pelajar, pentadbir dan staf, sama ada mewakili fakulti, institut, pusat, persatuan dan sebagainya.

4. Sehubungan di atas, saya dengan besar hati ingin **menjemput Y.Bhg Prof. Ulung, Prof. Emeritus, Prof., Dato'/Datin, Prof. Madya, Dr, Tuan, Puan untuk membentang kertas dan menyertai seminar pada 22-23 November 2012 (Khamis dan Jumaat) dan menyertai Bengkel pada 23 November 2012 (Jumaat - Sesi petang). Saya berharap dan berbesar hati sekiranya Y.Bhg Prof. Ulung, Prof. Emeritus, Prof., Dato', Datin, Prof. Madya, Dr, Tuan, Puan dapat menyerahkan borang jawapan kehadiran selewat-lewatnya sebelum atau pada 16 November 2012.**

6. Akhir sekali, saya mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian Y.Bhg Prof. Ulung, Prof. Emeritus, Prof., Dato', Datin, Prof. Madya, Dr, Tuan, Puan dalam menjayakan seminar dan bengkel ini serta memberikan kerjasama dan sumbangan ke arah Kampus UKM Lestari.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

DATIN PADUKA DR. HALIMATON SAADIAH HASHIM

Pengajar Khas, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Ketua Projek Pelan Pembangunan Lestari Wilayah (PPLW),
Ketua Projek Pelan Pengurusan Langkawi Geopark(PPLG) ,
Ketua Kumpulan Penyelidikan Komuniti Lestari,
Ketua Kelompok Penyelidikan Kampus Lestari.

BORANG JAWAPAN

SEMINAR DAN BENGKEL KAMPUS LESTARI UKM 2020

22 – 23 NOVEMBER 2012
HOTEL EQUATORIAL BANGI

Kepada

DATIN PADUKA DR. HALIMATON SAADIAH HASHIM

Ketua Kumpulan Penyelidikan Komuniti Lestari
Ketua Kelompok Penyelidikan Kampus Lestari
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Dengan ini saya.....

akan hadir / tidak akan hadir ke Seminar Dan Bengkel Kampus Lestari UKM 2020 pada 22 – 23 November 2012 di Hotel Equatorial Bangi.

Saya akan hadir sebagai :

- Sebagai Pembentang kertas di Seminar
- Sebagai Peserta Seminar dan Bengkel
- Sebagai Peserta Seminar Sahaja

Yang benar,

.....
(Tanda tangan)

Nama :
Jabatan :
Tel. (pejabat) :
Faks :
Tel. (bimbit) :
Email :

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

Sekretariat

Puan Muslimah binti Mohd Nor / Cik Radiah Zakaria

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)

Tel. : 03-8921 4149 / 4161

Faks : 03-8925 5104